

Punca penduduk desa sertai parti lawan

BH 18 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Rabu - Kegagalan agensi kerajaan memaju dan membangunkan ekonomi penduduk luar bandar antara sebab mereka menyertai parti pembangkang.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid, berkata, masalah itu akan berterusan sekiranya agensi terbabit terlalu mementingkan keuntungan hingga mengabaikan tanggungjawab membantu meningkatkan taraf hidup kumpulan sasaran.

Beliau berkata, keadaan itu bertambah sukar apabila agensi berkenaan tidak memberi pinjaman kepada penduduk untuk mengusahakan sesuatu projek, sedangkan agensi berkenaan mempunyai wang yang banyak.

"Rakyat melihat kegagalan ini satu penindasan dan mendorong mereka beralih kepada parti pembangkang," kata beliau di kementeriannya, di sini hari ini.

Malah, katanya, masalah itu pernah dibangkitkan di Parlimen, baru-baru ini dan kabinet memutuskan agensi terbabit menyerahkan laporan dana yang dimiliki agensi masing-masing.

Bagaimanapun, beliau enggan menamakan agensi yang diminta berbuat demikian.

Pada masa sama, katanya, kerajaan akan meneruskan usaha memajukan ekonomi penduduk bawahan seperti yang dirancang selain memahami masalah yang mereka hadapi.

Mengenai saranan pemimpin Umno termasuk pemimpin tertinggi parti itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendekati rakyat bawahan, Azmi berkata, permintaan itu munasabah tetapi pemimpin bawahan juga perlu berbuat demikian sebelum meminta Presiden dan Timbalan Presiden Umno melakukannya.

"Mereka sepatutnya tidak perlu menuduh pihak atasan kurang mendampingi rakyat sedangkan pemimpin itu sendiri tidak melaksanakan apa yang disarankan itu," katanya yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT).

Sementara itu, beliau berkata, sikap rakyat tempatan mengagungkan barangan import antara punca hotel di negara ini kurang berminat menghidangkan buah-buahan tempatan kepada pengunjung terutama pelancong asing.

Azmi berkata, perkara sama juga berlaku di hotel milik rakyat asing yang meminggirkan buah-buahan tempatan daripada menu harian.

Katanya, keadaan ini berbeza dengan di Thailand yang kerajaannya mendapat kerjasama penuh daripada pemilik hotel untuk mempromosikan buah-buahan tempatan.

"Ini membuktikan pemikiran rakyat negara ini masih dijajah Barat menyebabkan mereka masih beranggapan barangan import adalah terbaik berbanding hasil tempatan," katanya.

Justeru, beliau mengarahkan kementeriannya bekerjasama dengan Kementerian Pertanian lagi mengadakan promosi berterusan bagi menggalakkan semua hotel menyediakan buah-buahan tempatan seperti manggis, betik, rambutan, durian, ciku, jambu madu dan langsung.

Azmi berkata, kementeriannya juga sedang berbincang dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi mengenal pasti kawasan sesuai dijadikan tempat peniaga luar bandar memasarkan hasil pertanian mereka.